

Program erat media dan selebriti tempatan anjuran KKFM capai objektif...

NST 16.4.2013 13

OLEH EDDIE ANGAT
(eddie@newsabahtimes.com.my)

DALAM mengeratkan lagi hubungan antara kalangan pengamal media serta selebriti tempatan, stesen radio Universiti Malaysia Sabah (UMS,) KKFM baru-baru ini telah sekali lagi menganjurkan Boling Media dan Selebriti yang nyatanya mendapat sambutan menggalakkan daripada para peserta.

Program seumpama itu yang pernah dianjurkan pada tahun lalu sekaligus telah membuktikan kejayaan penganjur dalam mencapai objektifnya.

"KKFM dengan ini dapat menunjukkan bahawa peranannya dalam melaksanakan aktiviti sosial seperti ini, bukan sahaja dapat mengisi masa lapang dan merehatkan minda, tetapi juga lebih kepada mengeratkan lagi hubungan sesama peserta dan pihak stesen," kata Pengurus KKFM, Ady Maldin.

Penganjuran kali ini yang diadakan di U-Bowl 1Borneo, menyaksikan pasukan Radio Televisyen Malaysia (RTM) muncul johan apabila memunggut mata sebanyak 496. Ianya diikuti pasukan Black Pepar sebanyak 495 mata, ketiga pula diraih pasukan gabungan daripada New Sabah Times dan Borneo Post yang telah memunggut mata sebanyak 466.

Pasukan lain yang menyertainya termasuklah Sabah VFM, Sabah FM, Daily Express, Sabah Creative Industry Group Movement (SCIGM), Diva, dan TVi.

Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemanjangan Teknologi Maklumat, Datuk Jainab Ahmad Ayid turut hadir merasmikan pertandingan itu.



ADY (tiga kanan) ketika menyampaikan cenderahati kepada Jainab (kiri).

JAINAB (empat kiri) bersedia membuat balingan bola sebagai simbolik perasmian.

